

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
[BATANG SADONG]**

TARIKH : 20 NOVEMBER 2019 (RABU)

SOALAN

DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI [BATANG SADONG] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan jumlah kes jenayah siber serta jumlah kerugian yang telah direkodkan untuk tahun 1 Januari 2018 hingga kini di Sarawak dan usaha yang diambil Kementerian untuk memerangi jenayah siber.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan CyberSecurity Malaysia (CSM) sentiasa komited dalam usaha menangani peningkatan jenayah siber. Agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang lain seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) juga boleh mengambil tindakan di bawah bidang kuasa masing-masing bagi kes jenayah siber.

2. Berdasarkan laporan statistik mangsa di negeri Sarawak yang diterima dari Januari 2018 hingga Ogos 2019, terdapat 53 laporan insiden dalam kategori *Content Related*, *Cyber Harassment*, *Fraud*,

SOALAN NO : 16

Intrusion, Malicious Codes dan *Spam*. Untuk makluman, CSM atau SKMM tidak menyimpan rekod berkaitan kerugian pihak mangsa akibat jenayah siber.

3. Kementerian dari semasa ke semasa sentiasa melaksanakan tindakan penguatkuasaan serta aktiviti pendidikan dan kesedaran. Tindakan-tindakan penguatkuasaan yang dijalankan oleh pihak Kerajaan adalah berasaskan aduan daripada masyarakat awam serta pihak yang terkesan, dan berlandaskan perundangan sedia ada. Pelaksanaan aktiviti pendidikan dan kesedaran dibuat

dengan mendidik rakyat Malaysia agar menjadi pengguna media sosial yang berhemah dengan penekanan kepada kawalan sendiri.

4. Pihak SKMM juga sedia membantu dalam aspek bantuan teknikal berhubung siasatan, pembekalan maklumat, analisis forensik digital, serta pelaksanaan tindakan sekatan berdasarkan permohonan daripada pihak berkuasa yang berkenaan. Satu jawatankuasa khas iaitu Jawatankuasa Jenayah Siber PDRM-MCMC juga telah ditubuhkan untuk memerangi ancaman jenayah siber secara lebih strategik dan tersusun.

5. Selain daripada itu, Kementerian juga turut mengadakan kempen melalui siaran televisyen dan radio untuk meningkatkan kesedaran orang ramai berkenaan dengan jenayah siber tanpa mengira had umur. Melalui usaha serta inisiatif berterusan ini, diharapkan agar ia dapat mengurangkan kadar peratusan jenayah siber di Malaysia.